

Gempa di Gunung Kinabalu

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
 rodelio.taucan@utusan.com.my

■ RANAU 9 MAC

GEGARAN selama kira-kira 10 saat akibat gempa bumi berukuran 5.2 skala Richter di Ranau merupakan detik cemas yang tidak akan dilupakan oleh 130 pendaki yang sepatutnya menawan puncak Gunung Kinabalu, awal pagi ini.

Ketika kebanyakan mereka sedang tidur nyenyak untuk mengumpul tenaga sebelum memulakan misi pada pukul 2 pagi, kesemua pendaki berkenaan sebaliknya dikejutkan dengan gegaran amat kuat pada pukul 9.06 malam yang turut menyebabkan berlaku runtuh kecil di beberapa laluan pendakian.

Pendaki dari Perlis, **Nornadia Fariyah Madun Mashaid**, 24, berkata, semasa kejadian, dia baru sahaja hendak tidur tetapi terpaksa bangun dalam ketakutan dan segera berkumpul di kawasan lapang bersama pendaki lain selepas merasa gegaran tersebut.

"Saya sangat takut kerana pertama kali merasakan gegaran yang sangat kuat dan berlaku di tempat tinggi menyebabkan saya risau tentang keselamatan diri.

"Selepas kira-kira 10 minit, anggota bomba yang berada di Laban Rata meminta kami mengambil barang-barang yang penting sahaja kerana perlu segera turun disebabkan gempa bumi baru berlaku," katanya ketika ditemui di Pintu Timpohon, hari ini.

Pendaki dari Perancis, **Terry Brat**, 44, berkata, dia lega kerana selamat daripada sebarang kecederaan selepas menyedari gempa bumi yang pernah berlaku di Gunung Kinabalu tiga tahun lalu mengorbankan banyak nyawa.

"Pihak berkuasa di sini mengutamakan keselamatan pendaki, sebab itulah kami semua diminta turun balik dan terpaksa membatalkan misi menawan puncak gunung.

"Saya agak terkilan kerana tidak dapat sampai ke puncak selepas bekerja keras untuk mendaki sepanjang hari ini tetapi gempa bumi ini juga memberi pengalaman baharu kepada saya dan paling penting, keselamatan saya dan keluarga terjamin."



SEBAHAGIAN daripada malim dan pendaki Gunung Kinabalu tiba di pintu masuk Timpohon selepas diarahkan turun serta-merta oleh Jabatan Taman-Taman Sabah berikutan gempa bumi berukuran 5.2 skala Richter yang melanda Ranau, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID



NORNADIA FARIYAH



TERRY BRAT



MASLINAH RAMLI

katanya.

Pendaki dari Kuala Lumpur, **Maslinah Ramli**, 29, turut berkongsi pengalaman menakutkan tersebut yang tidak pernah dirasainya di tempat lain sebelum ini.

"Saya tidak sangka akan merasa pengalaman sebegini kerana tujuan saya adalah untuk menawan puncak gunung tetapi tidak tercapai kerana gempa bumi.

"Walaupun begitu, saya bersyukur kerana pengalaman cemas merasai gegaran gempa bumi berakhir cepat dan saya bersama rombongan selamat untuk meneruskan percutian di negeri ini," ujarnya.

Sementara itu, Jabatan Taman-taman Sabah mengarahkan semua aktiviti pendakian ke puncak Gunung Kinabalu ditutup serta-merta bermula hari ini ekoran kejadian gempa bumi tersebut.

Pengurus Taman Kinabalu, Yasin Miki berkata, arahan itu dikeluarkan selepas membuat penilaian terhadap aspek keselamatan selain keadaan laluan yang dikuatiri tidak selamat kesan gegaran tersebut.

"Semua aktiviti pendakian telah dihentikan serta-merta bermula hari ini

bagi memberi laluan kepada kajian dan penelitian terhadap aspek keselamatan di sepanjang laluan pendakian dari kaki gunung ke puncak.

"Bagaimanapun setakat ini, tiada laporan kerosakan teruk berlaku di sepanjang laluan dari kaki gunung ke Laban Rata namun laluan dari Pana Laban ke puncak masih lagi dalam proses pemeriksaan lanjut," katanya.

Terdahulu, kesemua 209 individu termasuk 130 pendaki yang berada di Laban Rata untuk mendaki puncak Gunung Kinabalu berjaya dibawa turun ke Timpohon Gate pada pukul 4.20 pagi ini dengan bantuan anggota keselamatan termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pasukan Khas Taktikal Operasi Menyelamat Malaysia (Storm) dan pasukan mencari dan menyelamatkan di Gunung (MOSAR).

Dalam pada itu, Yasin berkata, pihaknya akan mengerahkan sekumpulan pemantau bagi meneliti dan memeriksa keadaan laluan di sepanjang perjalanan terutamanya dari Pana Laban ke puncak Gunung Kinabalu.

"Proses ini mungkin akan memakan masa sehingga dua hari, tetapi bergantung kepada keadaan semasa dan selepas itu barulah kita boleh pastikan keadaan laluan sama ada ia selamat digunakan ataupun tidak" katanya.